

# Penyerang pemedih mata hadapi tindakan buang parti

**B**ANGI: Ahli Umno yang terbabit dalam kejadian bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad disemur bahan pemedih mata di Kota Bharu, kelmarin akan didakwa dan dilucutkan semua jawatan serta disingkir daripada parti, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Presideh Umno berkata, sesiapa didapati melakukan kesalahan itu akan berhadapan tindakan disiplin seperti yang digariskan oleh parti.

"Itu adalah satu kesalahan dan kalau dia anggota Umno, segala ja-

watan yang dia pegang, mesti dilucutkan dan perlu dipertimbangkan kemungkinan dibuang daripada Umno," katanya pada sidang media selepas merasmikan Sidang Kemuncak Kelab Penyayang 2006, anjuran Yayasan Budi Penyayang di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET) di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar, Pengerusi Yayasan Budi Penyayang, Nori Abdullah dan Pengerusi Astro, Datuk Badri Masri.

Abdullah yang juga Presiden Umno diminta mengulas tindakan terhadap individu yang bertanggungjawab ke atas kejadian yang menimpa Dr Mahathir setibanya di Lapangan Terbang Ismail Petra di Kota Bharu untuk lawatan sehari ke Kelantan kelmarin.

Kejadian itu dipercayai berlaku berikutan perebutan dua kumpulan penyokong Dr Mahathir untuk membawanya menaiki kenderaan mereka. Bagaimanapun, beliau tidak cedera kecuali terbatuk-batuk dan matanya sedikit merah.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri kesal dan marah atas kejadian itu mengarahkan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, menyiasat segera serta mengambil tindakan keras terhadap pihak yang melakukannya.

Sementara itu di KOTA BHARU, Polis Kelantan semalam mendapat perintah menahan reman seorang ahli perniagaan bergelar Datuk berumur 53 tahun yang dipercayai terbabit dengan kejadian itu.

LIHAT MUKA 2

## Keterangan 27 orang saksi diambil

DARI MUKA 1

Ketua Polis Kelantan, Datuk Zulkifli Abdullah, berkata perintah tahanan reman tiga hari itu dikeluarkan majistret yang datang ke Ibu pejabat Polis Kontinjen Kelantan di sini tengah hari semalam, bagi membolehkan polis menjalankan siasatan.

Sebelum itu polis menahan ahli perniagaan itu di rumahnya di Pasisir Tumbuh, di sini kira-kira jam 10 malam kelmarin. Kes itu akan disiasat mengikut Seksyen 328 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan didenda, jika sabit kesalahan.

Setakat ini, polis sudah mengambil keterangan daripada 27 saksi, termasuk tujuh anggota tentera dari 8 Briged di sini yang diupah oleh seorang penganjur majlis yang dihadiri Dr Mahathir itu. Mereka ditugaskan sebagai pengawal peribadi penganjur terbabit selain mengawal keselamatan Dr Mahathir.

Sementara itu, *Bername* melaporkan, seorang pegawai memerintah 8 Briged di sini berkata, semua anggota tentera terbabit akan disiasat dan jika didapati bersalah, mereka boleh dikenakan tindakan disiplin kerana menyalahi peraturan tentera.

Beliau berkata, semua anggota tentera itu masih berkhidmat dan ketika kejadian itu, ada yang sedang bercuti dan tidak bertugas.

Pegawai terbabit yang enggan namanya disiarkan bagaimanapun berkata, mereka tidak melanggar undang-undang dan polis cuma mengambil keterangan dan membebaskan mereka kemudian.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, keputusan berhubung perasmian mesyuarat Umno sudah lama dibuat dan ia mesti dipatuhi semua bahagian.

Abdullah berkata, Umno sudah memutuskan ahli majlis tertinggi (MT) dan menteri dibenarkan merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian supaya mereka dapat mengambil kesempatan itu untuk menerangkan pelbagai perkara yang perlu diketahui ahli parti.

"Keputusan ini mesti dipatuhi semua bahagian, ini bukan perkara yang pelik untuk mengadakan keputusan seumpama itu," katanya sebagai mengulas tindakan Ketua Umno Bahagian Padang Besar, Perlis, Datuk Zahidi Zainul Abidin, yang ingin menjemput Dr Mahathir merasmikan persidangan bahagian itu bulan depan.